

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<u>Yeo: Cheaper loans for renewable energy initiatives</u> Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Minister Yeo Bee Yin said at present the industry is not seeing much enthusiasm from the banking institutions as it is still a nascent market.	New Straits Times	Klik pada tajuk berita
2.	<u>'RM7.5B investments as at Dec 2017'</u> Malaysian Bioeconomy Development Corp Chief executive officer Dr Mohd Shuhaizam Mohd Zain said of the amount, RM5 billion was foreign direct investment.	New Straits Times	Rujuk lampiran 1
3.	<u>Plastics firms urged to shift to biodegradable, eco-friendly products</u> Minister Yeo Bee Yin said local manufacturers should take the opportunity to make biodegradable and eco-friendly products as global demand for these items would only increase in the future.	The Sun Daily	Klik pada tajuk berita
4.	<u>Plastics firms urged to shift to biodegradable, eco-friendly products</u> Minister Yeo Bee Yin said local manufacturers should take the opportunity to make biodegradable and eco-friendly products as global demand for these items would only increase in the future.	BERNAMA	Klik pada tajuk berita
5.	<u>Plastics firms urged to shift to biodegradeable, eco-friendly products</u> Minister Yeo Bee Yin said local manufacturers should take the opportunity to make biodegradable and eco-friendly products as global demand for these items would only increase in the future.	The Star	Klik pada tajuk berita

6.	<u>Kerajaan komited bantu syarikat teknologi hijau, RE</u> Menteri Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar, Yeo Bee Yin berkata pada masa ini industri itu kurang berjaya dalam menarik perhatian institusi perbankan untuk membiayai mereka kerana ia pasaran yang masih muda.	Berita Harian	Rujuk lampiran 2 atau klik pada tajuk berita
7.	<u>Industri bioteknologi jana pelaburan RM7.5 bilion</u> Majlis dirasmikan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin. Hadir sama ialah Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin.	Berita Harian	Rujuk lampiran 3 atau klik pada tajuk berita
8.	<u>Pacu bioekonomi</u> Majlis dirasmikan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin.	Harian Metro	Rujuk lampiran 4
9.	<u>Sisa plastik beri impak negatif industri pelancongan/ Pencemaran sisa plastik burukkan industri pelancongan</u> Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin menjelaskan, pelaksanaan kempen 'Let's Break Up with Single-Use Plastic' sejajar inisiatif kementerian untuk memberikan kesedaran alam sekitar.	Sinar Harian	Rujuk lampiran 5 atau klik pada tajuk berita
10.	<u>Syarikat plastik digesa beralih produk biodegradasi</u> Menteri berkenaan Yeo Bee Yin berkata pengeluar tempatan perlu merebut peluang menghasilkan produk seumpama itu berikutan permintaan terhadapnya akan meningkat di peringkat global pada masa depan.	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
11.	<u>Tutup segera kilang haram</u> Menurutnya, Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu memastikan penutupan berkenaan mengikut prosedur yang ditetapkan.	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita

12.	<u>Malaysia strives to reduce HCFC consumption to protect ozone layer</u> Ministry of Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change (MESTECC) secretary-general Datuk Seri Dr Mohd Azhar Yahaya said the implementation of the HPMP II was important for Malaysia to achieve the target of 35 per cent reduction of the baseline consumption of HCFC by 2020.	The Edge Market	Klik pada tajuk berita
13.	<u>Syarikat plastik digesa beralih kepada produk mesra alam</u> Pengeluar plastik perlu menukarkan keluaran mereka kepada produk bio-degradasi dan mesra alam bagi mengurangkan penggunaan plastik pakai buang, kata Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC).	Malaysia Kini	Klik pada tajuk berita
14.	<u>Plastics firms urged to switch to biodegradable, eco-friendly products</u> Minister Yeo Bee Yin said local manufacturers should take the opportunity to make biodegradable and eco-friendly products as global demand for these items would only increase in the future.	Malaysia Kini	Klik pada tajuk berita
15.	<u>IGEM 2018: Green Economy & Industry 4.0: Achieving Development Sustainable Goals</u> YB Yeo Bee Yin, Minister of MESTECC said: "IGEM has established itself as South East Asia's largest trade event for green technologies and eco solutions.	Markets Insider	Klik pada tajuk berita
16.	<u>Be specific on single-use plastic, government told</u> "That would be problematic. It becomes a product, and then the whole single-use notion will be gone," WWF-Malaysia marine policy manager Shantini Guna Rajan said in a town hall session with Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Minister Yeo Bee Yin last night.	Free Malaysia Today	Klik pada tajuk berita

17.	<u>Levi import dikenakan pada sisa plastik</u> Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin berkata, antara syarat baharu lain adalah syarikat pengimport mesti lah mempunyai kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar, selain perlu mengemukakan maklumat sumber sisa plastik dibeli.	Sinar Harian	Rujuk lampiran 6
18.	<u>Tangani pencemaran najis khinzir</u> SAM telah beberapa kali kemukakan aduan kepada pihak berwajib seperti kerajaan negeri, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Alam Sekitar (JAS) tetapi perkara ini masih berlarutan seperti tiada siapa mengambil peduli.	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 7
19.	<u>Menteri tidak prihatin bahaya sisa plastik</u> Kadar levi ke atas sisa plastik yang diimport itu bukan sahaja sangat rendah malah tidak masuk akal sekali gus membayangkan kerajaan tidak peduli impak buruk sisa plastik yang diproses terhadap penduduk tempatan dan alam sekitar.	Kosmo	Rujuk lampiran 8
20.	<u>Syarat baharu mohon lesen AP sisa plastik</u> Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin berkata, antara syarat baharu lain adalah syarikat pengimport mesti lah mempunyai kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar, selain perlu mengemukakan maklumat sumber sisa plastik dibeli.	Berita Harian	Rujuk lampiran 9

TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
21.	<u>Straw plastik bawa mudarat/ Guna straw pun boleh berdosa jika...</u> "Bahan kimia dan microplastik ini yang cemarkan tanah, laut dan udara yang disedut manusia malah masuk ke dalam makanan manusia seperti ikan,"katanya.	Sinar Harian	Rujuk lampiran 10 atau klik pada tajuk berita

22.	<u>TVET programmes must match industry needs/ Student must not be trained at vocational level: Nurul Izzah</u> Students must not simply be trained at the vocational level simply for the sake of providing them with a skill, said Technical and Vocational Education and Training (TVET) Empowerment Committee chairman Nurul Izzah Anwar.	The Sun Daily	Rujuk lampiran 11 atau klik pada tajuk berita
23.	<u>Kelebihan TVET</u> Melihat kepada peluang kerjaya dan keperluan industri yang tinggi, TVET bukan lagi pilihan atau bidang terakhir untuk pelajar melanjutkan pelajar melanjutkan pengajian memandangkan majikan hari ini amat menekankan aspek kemahiran, di samping kelayakan akademik sedia ada.	Berita Harian	Rujuk lampiran 12
24.	<u>Bintai bags RM14m contract from TNB</u> Bintai Kinden Corp Bhd's wholly owned subsidiary, Kejuruteraan Bintai Kindeko Sdn Bhd, has been appointed by Tenaga Nasional Bhd (TNB) to be the contractor to undertake the establishment of 132kV gas insulated switch-gear switching station at Kuchai Lama, Kuala Lumpur for a contract sum of RM14.03 million.	The Malaysian Reserve	Klik pada tajuk berita
25.	<u>PETRONAS, TiME Marine Services bina teknologi baharu/ Kerjasama PETRONAS, TiME Marine Services</u> PETRONAS akan bekerjasama dengan TiME Marine Services Sdn Bhd bagi membangunkan teknologi baharu untuk mencari penyelesaian inovatif dan ekonomi dalam rawatan enap cemar bagi mendapatkan semula hidrokarbon di daratan.	Berita Harian	Rujuk lampiran 13 atau klik pada tajuk berita
26.	<u>Guna balik straw terpakai</u> Segelintir pengusaha restoran ini dikesan mengitar semula straw plastik yang digunakan pelanggan untuk menjimatkan kos walaupun tahap kebersihannya diragukan.	Sinar Harian	Rujuk lampiran 14
27.	<u>Masalah TVET kian meruncing</u> Gerakan Penambahbaikan Pendidikan Kemahiran dan Vokasional (TVET) Kebangsaan akan ditubuhkan dalam masa terdekat sebagai	Sinar Harian	Rujuk lampiran 15

	langkah proaktif menyelesaikan pelbagai masalah yang kian meruncing.		
28.	<u>Illicit recycling factories exposed/ Hotbed of plastic waste</u> All these illegal plastic recycling factories and waste dumping sites here were “exposed” when Housing and Local Government Minister Zuraida Kamaruddin made a surprise visit yesterday.	The Star	Rujuk lampiran 16 atau klik pada tajuk berita
29.	<u>Zuraida makes surprise visit to illegal plastic factories, vows action</u> Zuraida turned up unannounced to witness the goings-on at these places, following a meeting with various agencies over the issue of local factories here importing and recycling plastic waste from countries like New Zealand, Australia and the United Kingdom, after China banned plastic imports.	The Star	Klik pada tajuk berita
30.	<u>Levy for plastic waste imports</u> Malaysia, which is becoming a dumping ground for plastic waste by other countries, will slap a levy on such imports to halt the growing environmental problem.	The Star	Klik pada tajuk berita

ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
31.	<u>Lingkar api Pasifik 'mengganang'</u> Secara keseluruhan, Lingkar Api Pasifik membentuk arca sejauh 40,233 kilometer dari sepadan plat Pasifik, plat Cocos dan plat Nazca yang terletak di hujung Lautan Pasifik.	Berita Harian	Rujuk lampiran 17
32.	<u>Japan vows to cut its nuclear hoard</u> More than 30 years ago, when its economy seemed invincible and the Sony Walkman was ubiquitous, Japan decided to build a recycling plant to turn nuclear waste into nuclear fuel.	New Straits Times	Rujuk lampiran 18

33.	<u>Pencemaran udara tingkat risiko hidap demensia</u> Hal ini kerana semua peringkat umur berisiko mengalami masalah kesihatan apabila bernafas udara kotor.	Kosmo	Rujuk lampiran 19
34.	<u>Transatomic to Shutter Its Nuclear Reactor Plans, Open-Source Its Technology</u> Nuclear reactor startup Transatomic Power is shutting down operations, after deciding it doesn't see a viable path to bringing its molten salt reactor designs to scale.	Greentech Media	Klik pada tajuk berita
35.	<u>Singapore honours top scientists and young achievers</u> For his lifetime of work, he was one of the recipients yesterday evening of the President's Science and Technology Awards, the country's highest honours for scientific achievement.	The Straits Times	Klik pada tajuk berita
36.	<u>Greens claim government-owned energy retailer would lower bills by \$200</u> The Coalition government has promised a default power price while Labor has offered a new capped price for electricity, as the three major parties bid to whittle away electricity retailers' profits in favour of consumer savings.	The Guardian	Klik pada tajuk berita
37.	<u>Why Is Energy Access Such A Challenging Problem To Solve?</u> Many countries also face the challenge of intermittent grid connectivity because the demand for energy often exceeds the capacity of existing power generation sources.	Forbes	Klik pada tajuk berita
38.	<u>Google's New Tool to Fight Climate Change</u> In the next decade or so, more than 6,000 cities, states, and provinces around the world will try to do something that has eluded humanity for 25 years: reduce their emissions of greenhouse gases, which warm the atmosphere and cause climate change.	The Atlantic	Klik pada tajuk berita

LAMPIRAN 1
NEW STRAITS TIMES (BUSINESS/ NEWS): MUKA SURAT 22
TARIKH: 26 SEPTEMBER 2018 (RABU)

BIO-BASED INDUSTRY

'RM7.5B INVESTMENTS AS AT DEC 2017'

77 anchor projects established since 2012 provide 26,700 jobs, says Bioeconomy Corp

ALZAHIRIN ALIAS
KUALA LUMPUR
bt@mediaprima.com.my

THE country's bio-based industry recorded approved investments worth RM7.5 billion as of December last year.

Malaysian Bioeconomy Development Corp chief executive officer Dr Mohd Shuhaizam Mohd Zain said of the amount, RM5 billion was foreign direct investment.

He said since 2012, 77 anchor projects had been established, providing 26,700 jobs.

They are expected to generate RM23.3 billion in gross national income by 2020.

Shuhaizam said the progress in

bioeconomy was not just about going beyond national and regional borders as industry players also needed to cross the boundaries that existed within industries and sectors.

He said this could be done through inter-industry application, public-private sector collaborations and academic-industry crossover.

"An example of this is our Bioeconomy Community Development Programme, which connects bio-based companies with farming communities and allow them to participate in value creation through bio-based innovations while providing additional income to these communities," he said at the Bioeconomy Day event, here, yesterday.



Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Minister Yeo Bee Yin (right) with her deputy Isnaraissah Munirah Majilis (centre), Deputy Agriculture and Agro-Based Industry Minister Sim Tze Tzin (second from right), Malaysian Bioeconomy Development Corp Sdn Bhd (Bioeconomy Corp) chief executive officer Dr Mohd Shuhaizam Mohd Zain (left) and Bioeconomy Corp chief operating officer Mohd Khairul Fidzal Abd Razak at the Bioeconomy Day in Kuala Lumpur yesterday. BERNAMA PIC

LAMPIRAN 2
BERITA HARIAN (BISNES): MUKA SURAT 63
TARIKH: 26 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Kerajaan komited bantu syarikat teknologi hijau, RE

Kerajaan menyasarkan untuk membantu peserta sektor teknologi hijau dan tenaga boleh diperbaharui (RE) mendapatkan pembiayaan yang lebih baik pada masa depan memandangkan industri itu kini berhadapan dengan kesukaran daripada aspek pembiayaan.

Menteri Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar, Yeo Bee Yin berkata pada masa ini industri itu kurang berjaya dalam menarik perhatian institusi perbankan untuk membiayai mereka kerana ia pasaran yang masih muda.

Menurutnya, kadar faedah yang dikenakan daripada pembiayaan adalah tinggi sehingga menyebabkan peserta industri itu dilihat tidak mempunyai akses untuk mendapatkan tawaran kadar faedah lebih rendah.

Perluas industri

"Oleh itu, kami akan melakukan perjumpaan dengan pihak berkepentingan seperti Bank Negara Malaysia (BNM), institusi perbankan dan bank pelaburan bersempena Persidangan dan Pameran Antarabangsa Teknologi Hijau dan Produk Eko Malaysia (IGEM) 2018 pada Oktober ini bagi membincangkan perkara ini," katanya pada Simposium Tenaga Solar 2018 di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama adalah Ketua Pegawai Eksekutif MGCC, Daniel Bernbeck dan Duta Jerman, Nikolaus Graf Lambsdorff.

Simposium yang dianjurkan Dewan Industri dan Perdagangan Malaysia-Jerman (MGCC) itu menyaksikan seramai sembilan pakar dan penyedia teknologi berkaitan tenaga solar dari Jerman bagi berkongsi kepakaran dan pengalaman bersama pemain industri di Malaysia.

Beliau berkata, langkah membantu peserta industri itu mendapatkan pembiayaan akan dapat mengembangkan industri terbabit dengan menarik perhatian daripada institusi perbankan dan bank pelaburan sekali gus mengembangkan industri itu tanpa perlu banyak bergantung kepada subsidi daripada kerajaan.

"Saya lihat industri ini perlu mendapatkan modal daripada swasta dan pasaran modal tanpa berterusan berharap kepada subsidi kerajaan bagi memastikan mereka lebih berdaya saing di pasaran pada masa depan," katanya.

Sementara itu, Bee Yin berkata kerajaan akan mengumumkan dasar dan kerangka undang-undang yang lebih jelas berkaitan industri itu bermula pada tahun depan.

"Pada masa ini, kami masih meneliti dan menyemak semua perkara yang akan dimasukkan dalam agenda perubahan bagi industri ini secara keseluruhan sebelum ia akan diumumkan mulai 2019," katanya.

LAMPIRAN 3
BERITA HARIAN (BISNES): MUKA SURAT 63
TARIKH: 26 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Industri bioteknologi jana pelaburan RM7.5b

➔ Bakal wujudkan lebih 26,000 peluang pekerjaan

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@nstp.com.my

Malaysia menerima pelaburan RM7.5 bilion daripada syarikat bioteknologi yang diselia oleh Perbadanan Pembangunan Bioekonomi Malaysia (Bioekonomi Corp) setakat akhir tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif Bioekonomi Corp, Dr Mohd Shuhaizam Mohd Zain, berkata daripada jumlah itu, RM5 bilion adalah pelaburan langsung asing (FDI).

"Bioekonomi akan menjadi penyumbang kepada ekonomi dan pembangunan sosial negara. Sejak 2012, terdapat 77 projek bioekonomi yang bakal menyumbang RM23.3 bilion pendapatan kasar negara menjelang 2020.

"Ia juga bakal mewujudkan lebih daripada 26,000 pekerjaan. Malaysia adalah negara pertama di ASEAN dan kedua di Asia yang melaksanakan inisiatif bioekonomi nasional.

"Namun, sasaran meningkatkan sektor ini tidak akan mampu dicapai tanpa pembabitkan rakan kerjasama. Ia bukan hanya sekadar merentasi sempadan serantau semata-mata, malah perlukan kerjasama antara sektor awam dan swasta meneruskan agenda ini," katanya selepas perasmian Hari Bioekonomi di Kuala Lumpur, semalam.

Majlis dirasmikan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam



Bee Yin (tengah) dan **Tze Tzin** (dua kiri) melihat hasil produk yang menggunakan bahan bio ketika melawat gerai pameran pada Bioeconomy Hari Bioekonomi di WOW KL, Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC), Jalan Ampang.

Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin.

Hadir sama Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin.

Shuhaizam berkata, fokus Bioekonomi Corp kini adalah mewujudkan akses pasaran kepada syarikat yang berkaitan dengan bioekonomi untuk mengkomersialkan produk masing-masing bukan hanya di pasaran tempatan, malah di luar negara.

Beliau berkata, perkara ini penting kerana bioekonomi bukan saja menjadi inisiatif atau trend pembangunan negara malahan juga elemen penting dalam polisi kemampanan, inovasi dan ekonomi

kebanyakan negara di dunia.

Inovasi baharu

Katanya, melalui program pembangunan komuniti bioekonomi (BCDP) yang menghubungkan syarikat bioekonomi dengan komuniti seperti pertanian, ia membantu mewujudkan inovasi baharu berasaskan bio yang sekali gus menambah pendapatan kepada komuniti.

"Sehingga Ogos lalu, sebanyak 40 projek BCDP berjaya dilaksanakan membabitkan 2,900 peserta dan jumlah ini dijangka akan ditingkatkan sehingga akhir tahun ini.

"Projek itu juga membabitkan penyertaan syarikat

berstatus BioNexus. Dari 2008 hingga hujung 2017, kami berjaya membantu 283 syarikat dengan jumlah pelaburan RM3.58 bilion dan pendapatan sebanyak RM1.47 bilion," katanya.

Selain itu, Shuhaizam berkata, sebanyak 33 loji tenaga boleh diperbaharui berasaskan bio di bawah projek bioekonomi berjaya dilaksanakan yang menyumbang 26.412 megawatt (MW) elektrik tambahan.

Beliau berkata, loji tenaga ini membolehkan penduduk luar bandar mendapatkan akses dan tenaga elektrik untuk kegunaan domestik dan perniagaan.

[FOTO ASWADI ALIAS]

LAMPIRAN 4 HARIAN METRO (BISNES): MUKA SURAT 74 TARIKH: 26 SEPTEMBER 2018 (RABU)



YEO (tengah) diiringi Sim (dua hari kiri) melihat hasil produk yang menggunakan bahan bio ketika melawat gerai pameran pada Hari Bioekonomi 2018 di Kuala Lumpur, semalam.

PACU BIOEKONOMI

Bakal jadi penyumbang kepada pembangunan sosial negara

Alzahrin Alias
zahrin@nstp.com.my

Kuala Lumpur

Malaysia menerima pelaburan RM7.5 billion daripada syarikat bioteknologi yang diselia Perbadanan Pembangunan Bioekonomi Malaysia (Bioekonomi Corp) setakat akhir tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif Bioekonomi Corp, Dr Mohd Shuhaizam Mohd Zain berkata, daripada jumlah itu, RM5 billion adalah pelaburan langsung asing (FDI).

"Bioekonomi akan menjadi penyumbang kepada ekonomi dan pembangunan sosial negara. Sejak 2012, terdapat 77 projek bioekonomi yang bakal menyumbang RM23.3 billion penda-

patan kasar negara menjelang 2020.

"Ia juga bakal mewujudkan lebih daripada 26,000 pekerjaan. Malaysia adalah negara pertama di ASEAN dan kedua di Asia yang melaksanakan inisiatif bioekonomi nasional.

"Namun, sasaran meningkatkan sektor ini tidak akan mampu dicapai tanpa pembabitkan rakan kerjasma. Ia bukan hanya sekadar merentasi sempadan serantau semata-mata, malah perlukan kerjasama antara sektor awam dan swasta meneruskan agenda ini," katanya selepas perasmian Hari Bioekonomi di sini, semalam.

Majlis dirasmikan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin. Shuhaizam berkata, fokus Bioekonomi Corp kini ada-

lah mewujudkan akses kepada syarikat yang berkaitan dengan bioekonomi untuk mengkomersialkan produk masing-masing bukan hanya di pasaran tempatan, malah di luar negara.

Beliau berkata, perkara ini penting kerana bioekonomi bukan saja menjadi inisiatif atau trend pembangunan negara malahan juga elemen penting dalam polisi ke-

mampanan, inovasi dan ekonomi kebanyakan negara di dunia.

Katanya, melalui program pembangunan komuniti bioekonomi (BCDP) yang menghubungkan syarikat bioekonomi dengan komuniti seperti pertanian, ia membantu mewujudkan inovasi baru berasaskan bio, sekali gus menambah pendapatan kepada komuniti.

"Sehingga Ogos lalu, 40 projek BCDP dilaksanakan membabitkan 2,900 peserta dan jumlah ini dijangka akan ditingkatkan sehingga akhir tahun ini.

"Projek itu juga membabitkan penyertaan syarikat berstatus BioNexus. Dari 2008 hingga hujung 2017, kami membantu 283 syarikat dengan jumlah pelaburan RM3.58 billion dan pendapatan RM1.47 billion," katanya.

Kuala Lumpur

Bantu pemain industri teknologi hijau, RE dapat pembiayaan lebih baik

Kerajaan menyasarkan untuk membantu pemain dalam industri teknologi hijau dan tenaga boleh diperbaharui (RE) mendapatkan pembiayaan lebih baik pada masa depan memandangkan industri itu kini berhadapan kesukaran dari aspek pembiayaan.

Menteri Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar, Yeo Bee Yin berkata, pada masa ini industri itu kurang berjaya dalam menarik perhatian institusi perbankan untuk sebarang pembiayaan kerana ia disifatkan sebagai pasaran yang masih muda.

Menurutnya, kadar faedah yang dikenakan juga agak tinggi dan pemain industri tidak memiliki akses untuk meneroka pasaran yang dapat menawarkan kadar faedah lebih rendah.

"Oleh itu, kami akan melakukan pertemuan

dengan pihak berkepentingan seperti Bank Negara Malaysia (BNM), institusi perbankan dan bank pelaburan sempena Persidangan dan Pameran Antarabangsa Teknologi Hijau dan Produk Eko Malaysia (IGEM) 2018 pada Oktober ini bagi membincangkan perkara ini," katanya pada Simposium Tenaga Solar 2018 di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif MGCC, Daniel Bernbeck dan Duta Jerman, Nikolaus Graf Lambsdorff.

Simposium yang dianjurkan Dewan Industri dan Perdagangan Malaysia-Jerman (MGCC) itu menyaksikan seramai sembilan pakar dan penyedia teknologi berkaitan tenaga solar dari Jerman bagi berkongsi kepakaran dan pengalaman bersama pemain industri di Malaysia.

FAKTA
Sehingga Ogos lalu, 40 projek BCDP dilaksanakan membabitkan 2,900 peserta

LAMPIRAN 5
SINAR HARIAN (TANJUNG KARANG): MUKA SURAT 30
TARIKH: 26 SEPTEMBER 2018 (RABU)


Pencemaran sisa plastik burukkan industri pelancongan

PANTAI REMIS - Pencemaran sisa plastik memberi impak negatif kepada sektor pelancongan sekali gus menyebabkan kerajaan memperuntukkan kos yang tinggi untuk pembersihan alam sekitar.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim, **Yeo Bee Yin** menjelaskan, kempen 'Let's Break Up with Single-Use Plastic' menjadi salah satu inisiatif Kementerian untuk memberikan kesedaran.

"Usaha ini untuk meningkatkan kesedaran kepada rakyat terhadap kesan pencemaran dan membantu menjayakan langkah mengurangkan pencemaran plastik negara ini.

"Kempen ini sedang dilaksanakan di peringkat Kementerian dan menggubal satu 'road map' yang dijangka akan dilancarkan pada pertengahan Oktober ini untuk menangani masalah penggu-



Bee Yin (dua,kiri) menyempurnakan simbolik perasmian Program Pembersihan Pantai Negeri Selangor.

naan 'single-use' plastik," katanya.

Beliau berkata demikian selepas hadir merasmikan Program Pembersihan Pantai Negeri Selangor di Pantai Remis dan dihadiri Setiausaha Majlis Daerah Kuala Selangor, Azman Dahlan.

Bee Yin berkata, pelbagai

usaha giat dilaksanakan termasuk memperkenalkan sukatan mata pelajaran pendidikan alam sekitar di peringkat sekolah bagi menggalakkan 'experiential learning'.

"Pendekatan ini penting bagi mewujudkan tanggungjawab dan penghayatan cintakan alam sekitar akan lebih

kukuh dalam kalangan generasi muda.

"Seperti program pembersihan pantai ini, kita mahu lahirkan rakyat yang prihatin terhadap alam sekitar dan hidupan marin yang terdedah dengan pencemaran sisa plastik," katanya.

Dalam usaha memelihara dan memulihara alam sekitar katanya, bukan pihak kerajaan sahaja yang harus dipertanggungjawabkan, tetapi semua pihak perlu memainkan peranan sama.

"Kerjasama masyarakat penting menyemai sikap tanggungjawab dan meningkatkan kesedaran untuk melindungi alam sekitar khususnya di Pantai Remis.

"Saya juga ingin menyasarkan semua lapisan masyarakat untuk bersama menjaga alam sekitar dengan memastikan penggunaan beg plastik dapat diminimumkan dan menggalakkan penggunaan beg kitar semula," katanya.

LAMPIRAN 6
SINAR HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 2
TARIKH: 26 SEPTEMBER 2018 (RABU)

**Levi import
dikenakan pada
sisa plastik**

KUALALANGAT - Kerajaan akan memperkenalkan syarat baharu bagi permohonan lesen permit import (AP) sisa plastik termasuk mengenakan levi RM15 bagi setiap tan barangan berkenaan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin berkata, antara syarat baharu lain adalah syarikat pengimport mestilah mempunyai kelulusan daripada **Jabatan Alam Sekitar**, selain perlu mengemukakan maklumat sumber sisa plastik dibeli.

Katanya, syarikat yang mahu memohon AP itu juga perlu dapat kelulusan pihak Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Mida).

"Permohonan AP untuk mengimport sisa plastik ini telah kita bekukan buat masa ini dan dibuka semula 23 Oktober depan. Bagi syarikat yang mahu memohon, mereka perlu patuh terhadap peraturan baharu ini.

"...pengenalan levi turut akan dikenakan pada tarikh yang sama," katanya di sini, semalam.

Menurut rekod kementeriannya, sebanyak 234 permohonan untuk AP berkenaan diterima dan hanya 114 syarikat aktif, dan daripada jumlah itu, hanya 51 syarikat mempunyai kelulusan Mida. - *Bernama*

LAMPIRAN 7 UTUSAN MALAYSIA (FORUM): MUKA SURAT 21 TARIKH: 26 SEPTEMBER 2018 (RABU)



GAMBAR rekod mengenai kandang khinzir di Gertak Sanggul, Pulau Pinang pada Oktober 2016. – **GAMBAR** IHSAN SAM

Tangani pencemaran najis khinzir

SAUDARA PENGARANG,

SAHABAT Alam Malaysia (SAM) menggesa kerajaan negeri Pulau Pinang supaya bertindak tegas terhadap dua ladang khinzir di Gertak Sanggul di sebelah barat daya pulau yang didakwa melepaskan sisa kumbahan tidak terawat ke dalam laut.

Tindakan segera diperlukan agar penduduk, nelayan dan orang awam yakin kerajaan negeri akan menangani masalah yang telah lama berlaku ini.

SAM telah beberapa kali kemukakan aduan kepada pihak berwajib seperti kerajaan negeri, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), **Jabatan Alam Sekitar (JAS)** dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) tetapi perkara ini masih berlarutan seperti tiada siapa mengambil peduli.

Mesyuarat dan lawatan lapangan juga telah diadakan malah jaminan beberapa agensi terlibat mahu menangani isu ini umpama kata-kata kosong tetapi tiada tindakan berkesan diambil. Perkara

ini amat mengecewakan dan membimbangkan.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar Pulau Pinang, Dr. Afif Bahardin baru-baru ini dilapor menyatakan sisa kumbahan itu bukan sahaja memberi kesan kepada penduduk sepanjang pesisir pantai tetapi juga menggugat tangkapan nelayan.

Beliau kecewa dengan perbuatan tidak bertanggungjawab sesetengah penternak khinzir yang gagal menyelia ladang mereka dengan baik dan kerajaan negeri tidak akan berkompromi lagi selepas ini. Artikel sama turut mendedahkan selama berpuluh tahun ladang khinzir di Gertak Sanggul dan banyak tempat di Seberang Perai memberi kesan buruk ke atas alam sekitar.

Seharusnya pihak yang bertanggungjawab mengakui kebenaran fakta bahawa kebanyakan sisa buangan dan kumbahan ladang khinzir yang dilepaskan ke parit, sungai atau laut tidak dirawat 100 peratus.

Apabila sistem rawatan kumbahan tidak digunakan, masalah seumpama ini akan timbul dan menyebabkan rasa kurang senang penduduk dan nelayan akibat bau busuk selain menyebabkan pencemaran.

SAM menggesa pihak berkuasa mengambil tindakan tegas dan mengenakan hukuman lebih berat ke atas pengusaha ternakan khinzir yang mencemarkan kawasan Gertak Sanggul. SAM percaya jika masalah ini dibiarkan berlarutan, bukan sahaja boleh mengancam alam sekitar malah kesihatan penduduk dan sumber pendapatan nelayan juga akan terjejas.

Justeru, SAM berharap apa yang telah diperkatakan oleh Dr. Afif itu menjadi bukti kepada penduduk tempatan bahawa beliau benar-benar serius dan tidak akan berkompromi dalam mengambil tindakan tegas terhadap penternak khinzir yang tidak mematuhi prosedur ditetapkan.

S. M. MOHAMED IDRIS

Presiden SAM

LAMPIRAN 8
KOSMO (NEGARA): MUKA SURAT 1
TARIKH: 26 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Menteri tidak prihatin bahaya sisa plastik

NGO bidas kerajaan kerana sanggup benarkan import sisa plastik dengan dikenakan levi serendah RM15 setan metrik

Selangor diancam pencemaran kilang plastik



KERATAN Kosmo! 23 Julai 2018.

Permit import sisa plastik dibeku serta merta



KERATAN Kosmo! 25 Julai 2018.

PERTUBUHAN bukan kerajaan (NGO) membidas keputusan kerajaan untuk mengenakan levi serendah RM15 bagi setiap setan metrik sisa plastik yang akan dibenarkan diimport semula ke Malaysia dari seluruh dunia bermula 24 Oktober depan.

Kadar levi ke atas sisa plastik yang diimport itu bukan sahaja sangat rendah malah tidak masuk akal sekali gus membayangkan kerajaan tidak peduli impak buruk sisa plastik yang diproses terhadap penduduk tempatan dan alam sekitar.



ZURAIDA



SHARIFFA SABRINA



S. M. MOHAMED

Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA), Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil berkata, tindakan kerajaan itu bertentangan dengan prinsip pertubuhan alam sekitar itu yang menolak kemasukan sisa plastik ke negara ini sekeras-kerasnya.

"Kerajaan tidak seharusnya membuka peluang kepada syarikat untuk memohon kembali permit import sisa plastik yang bahayanya

KEPUTUSAN kerajaan membenarkan pengimportan kembali sisa plastik dari seluruh dunia mengecewakan banyak pihak.

sudah diketahui umum apatah lagi levi RM15 yang dikenakan itu sangat rendah," kata Shariffa Sabrina ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Perumahan dan Kerajaan

Tempatan, Zuraida Kamaruddin bahawa kerajaan membenarkan semula pengusaha untuk mengimport semula sisa plastik mulai bulan depan.

Turut senada dengan Shariffa Sabrina ialah Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), S. M. Mohamed Idris yang menegaskan bahawa Permit Import (AP) sisa plastik perlu dihapuskan demi kesihatan rakyat.

LAMPIRAN 8 (SAMBUNGAN) KOSMO (NEGARA): MUKA SURAT 2 TARIKH: 26 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Rata-rata NGO bantah keputusan menteri benarkan semula AP import sisa plastik

Kerajaan tak peduli nasib penduduk

KUALA LUMPUR - Keputusan kerajaan mengenakan levi RM15 bagi setiap tan sisa plastik yang diimport dari serata dunia menerusi permit import (AP) disifatkan sebagai tidak masuk akal dan menunjukkan menteri dan pegawai kerajaan tidak mengendahkan masalah kesihatan rakyat.

Rata-rata badan bukan kerajaan (NGO) sangsi dengan niat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang mahu terus mengimport sisa plastik biarpun mengetahui risiko kesihatan ditanggung penduduk akibat aktiviti memproses bahan buangan tersebut.

Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA), Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil berkata, keputusan kerajaan meneruskan import 'sampah dunia' tersebut bertentangan dengan perjuangan badan itu yang mahu menjaga alam sekitar.

"Membuka semula AP import sisa plastik selepas 23 Oktober ini dengan levi hanya RM15 bagi setiap tan sampah membayangkan kerajaan tidak peduli langsung dengan kesan buruk akibat aktiviti memproses sisa plastik kepada penduduk," kata beliau ketika dihubungi semalam.

Sebelum ini *Kosmo!* melaporkan kebanyakan penduduk Kuala Langat, Selangor terpaksa memakai topeng muka bagi mengelak mereka terhidu asap yang dikeluarkan



SHARIFFA SABRINA



MOHD. YUSOF



NADZIM



CHEE KWANG



MOHAMED IDRIS



KERATAN *Kosmo!* 23 Julai 2018.



KERATAN *Kosmo!* 23 Julai 2018.

dari kilang-kilang memproses sisa plastik di daerah itu.

Menurut beliau, kerajaan sepatutnya mengharamkan negara ini daripada memproses sisa plastik seperti tindakan yang diambil negara-negara seperti China, Australia dan New Zealand.

Penasihat Undang-Undang Persatuan Tindakan Alam Sekitar Kuala Langat, Lee Chee Kwang berkata, kerajaan seharusnya mengharamkan terus industri memproses plastik di negara ini dan bukannya berselindung dengan syarikat memproses sisa plastik.

"Daripada levi hanya RM15 untuk import semula sisa plastik, berapalah yang kerajaan dapat. Lebih baik kerajaan mengharamkan industri itu demi kesejahteraan

rakyat," kata beliau.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Mohd. Yusof Abdul Rahman berkata, kerajaan tidak harus membenarkan pengimportan sisa plastik ke Malaysia kerana terbukti pengoperasian memproses 'sampah dunia' itu memberikan kesan buruk kepada kesihatan rakyat negara ini.

"Walaupun mereka bayar levi tetapi masalah lebih besar akibat memproses sisa plastik merisikokan penduduk berdepan pelbagai penyakit termasuk kanser," katanya.

Turut senada ialah Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), S.M. Mohamed Idris yang memberitahu, soal kadar levi tidak kira berapa mahal tidak penting

kerana yang lebih utama ialah AP sisa plastik perlu dihapuskan demi kesihatan penduduk yang mendiami kawasan yang mempunyai kilang memproses sisa plastik.

"Kami akan menulis surat kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi membantah tindakan kerajaan membuka semula AP sisa plastik. Malaysia perlu mencontohi China mengharamkan import sisa plastik," katanya.

Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan turut mengesahkan kerajaan mengkaji semula keputusan membuka semula AP sisa plastik seperti yang diumumkan.

"Kerajaan sewajarnya menyedarkan rakyat tentang bahaya pencemaran akibat memproses sisa plastik dan bukan mengalakkan import bahan terbuang tersebut diteruskan," ujarnya.

Kemelut kilang memproses sisa plastik di Kuala Langat kembali hangat semalam apabila Zuraidda Kamaruddin, Menteri Perumahan

INFO Kronologi kilang proses plastik di Kuala Langat

● **23 Julai 2018** - Hampir 300,000 penduduk Kuala Langat, Selangor terutamanya di Telok Panglima Garang terdedah kepada risiko pelbagai jenis penyakit termasuk kanser apabila daerah tersebut dijadikan tempat longgokan plastik kitar semula dari serata dunia

● **24 Julai 2018** - Kerajaan mengarahkan pihak berkuasa tempatan (PBT) segera menghentikan operasi kilang memproses sisa plastik di Kuala Langat ekoran rungutan penduduk yang mendakwa mereka diancam masalah kesihatan akibat pencemaran alam sekitar kerana kilang proses sisa plastik

● **25 Julai 2018** - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan membatalkan lesen import (AP) sisa plastik yang dikeluarkan kepada 114 syarikat dan kilang di seluruh negara bagi tempoh tiga bulan berkuat kuasa 23 Julai lalu

● **2 Ogos 2018** - Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) menutup lapan buah kilang kitar semula plastik haram yang terletak di Banting, Jenjarom dan Teluk Panglima Garang serta menyita berjuta-juta tan timbunan sisa pepejal yang diimport dari seluruh dunia

dan Kerajaan Tempatan, mengumumkan permohonan AP sisa plastik dibuka semula pada 24 Oktober ini selepas dibekukan selama tiga bulan.

Kerajaan benarkan 'sampah dunia' terus diimport ke Malaysia

Oleh LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR dan HARIZ KAMARUDIN

KUALA LANGAT - Kerajaan akan mengenakan levi RM15 bagi setiap tan sisa plastik yang diimport ke negara ini menerusi permit import (AP) yang dibuka semula pada 24 Oktober depan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraidda Kamaruddin berkata, peraturan baharu itu akan bermula sebaik tempoh kerajaan menghentikan kelulusan AP berakhir pada 23 Oktober depan.

"Selama ini import sisa plastik tiada caj oleh kerajaan tetapi selepas 23 Oktober ini, kita kenakan levi," kata beliau selepas menghadiri mesyuarat dengan pengusaha kilang plastik di Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Banting di sini semalam.

Zuraidda pada Julai lalu mengumumkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menghentikan pengeluaran permit import (AP) sisa plastik terhadap 114 buah syarikat dan kilang di seluruh negara bagi tempoh tiga bulan.

Pembekuan tersebut dilakukan selepas akhbar *Kosmo!* mendedahkan daerah Kuala Langat mengalami pencemaran udara serius berpunca daripada kilang memproses sisa plastik dari seluruh dunia sejak dua tahun lalu.

Selain levi, menurut beliau, pelbagai peraturan baharu lain juga akan dikenakan kepada syarikat yang ingin memohon AP

yang mahu membawa masuk sisa plastik ke negara ini.

"Antaranya pemilik AP perlu mengesahkan kapasiti sebenar sisa plastik yang diimport, mendapat surat pengesyoran operasi kilang di bawah peraturan Jabatan Alam Sekitar (JAS), mempunyai kementerian memasang serta mengoperasikan jentera di bawah peraturan Akta Kilang selain mendapat kebenaran untuk menjalankan perniagaan daripada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JP-SPN)," ujarnya.

Selain itu, Zuraidda memberitahu, syarikat pemohon AP sisa plastik juga perlu

mematuhi syarat-syarat bagi tempat penyimpanan bahan mentah di premis yang sesuai dan menyatakan pembekal dan syarikat eksport sisa plastik tersebut.

Dalam pada itu, Zuraidda turut mengesahkan terdapat 54 buah kilang sisa plastik di seluruh Kuala Langat dengan 13 daripadanya memiliki lesen manakala baki sebanyak 41 buah beroperasi secara haram.

Sehubungan itu, satu mesyuarat akan diadakan pada 2 Oktober depan di MDKL bagi menyelesaikan isu membabitkan lesen serta operasi kilang plastik di daerah tersebut.

"Antara agenda yang akan dibincangkan adalah kaedah bagi menamatkan operasi



ZURAIDDA meninjau sebuah kilang memproses sisa plastik di Telok Panglima Garang, Kuala Langat semalam.

Info Solat		26 SEPTEMBER 2018 16 MUHARAM 1440H					
	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK	
K. LUMPUR	5:46	7:01	1:07	4:15	7:09	8:18	
SHAH ALAM	5:46	7:01	1:07	4:15	7:09	8:18	
SEREMBAN	5:45	7:01	1:06	4:12	7:08	8:17	
MELAKA	5:44	7:00	1:05	4:11	7:07	8:16	
JOHOR BAHRU	5:38	6:54	12:59	4:03	7:01	8:10	
IPOH	5:49	7:02	1:10	4:19	7:12	8:21	
P. PINANG	5:51	7:06	1:12	4:22	7:14	8:23	
ALOR SETAR	5:51	7:05	1:12	4:23	7:14	8:23	
K. TERENGGANU	5:40	6:56	1:01	4:11	7:03	8:12	
KOTA BHARU	5:48	7:00	1:05	4:16	7:07	8:12	
KUANTAN	5:40	6:54	1:01	4:07	7:03	8:12	
KANGAR	5:51	7:08	1:12	4:24	7:14	8:23	
TAWAU	4:42	5:58	12:03	3:12	6:05	7:14	
KOTA KINABALU	4:48	6:04	12:09	3:22	6:11	7:22	
KUCHING	5:13	6:29	12:34	3:39	6:36	7:45	
MIRI	4:57	6:13	12:18	3:26	6:20	7:29	

*Kawasan-kawasan sewaktu dengannya

LAMPIRAN 9
BERITA HARIAN (DASAR & PENTADBIRAN): MUKA SURAT 8
TARIKH: 26 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Syarat baharu mohon lesen AP sisa plastik

Kuala Langat: Kerajaan akan memperkenalkan syarat baharu bagi permohonan lesen permit import (AP) sisa plastik, termasuk mengenakan levi sebanyak RM15 bagi setiap tan barangan berkenaan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, berkata antara syarat baharu lain adalah syarikat pengimport mesti mempunyai kelulusan daripada **Jabatan Alam Sekitar**, selain wajib mengemukakan maklumat sumber sisa plastik dibeli.

Beliau berkata, syarikat yang mahu memohon AP juga perlu

mendapat kelulusan daripada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

Dibuka 23 Oktober

"Permohonan AP untuk mengimport sisa plastik kita bekukan pada masa ini dan akan dibuka pada 23 Oktober depan. Bagi syarikat yang mahu memohon, mereka perlu patuh terhadap peraturan baharu ini.

"Pengenalan levi turut dikenakan pada tarikh sama, di mana sebelum ini sebarang pengimportan sisa plastik tidak dikenakan sebarang levi," katanya pada sidang media

selepas menghadiri mesyuarat berkaitan isu aduan kilang memproses sisa plastik tidak berlesen di sini, semalam.

Zuraida berkata, menurut rekod kementeriannya, 234 permohonan untuk AP berkenaan diterima dan hanya 114 syarikat yang aktif dan daripada jumlah itu, hanya 51 mempunyai kelulusan daripada MIDA.

13 kilang ada lesen sah

Mengulas mengenai isu kilang memproses sisa plastik, beliau berkata ada 54 kilang di daerah Kuala Langat, tetapi hanya

13 mempunyai lesen operasi yang sah.

"Kilang tidak mempunyai lesen ini akan diarahkan tutup dan satu mesyuarat akan dijalankan minggu depan bagi mencari jalan terbaik bagaimana untuk melupuskan sisa plastik yang ada di kilang itu," katanya.

Beliau berkata, masa akan datang pihaknya juga akan mengarahkan kilang memproses sisa plastik berlesen dipindahkan ke kawasan perindustrian berat kerana ia tidak sesuai beroperasi berhampiran kawasan kediaman.

BERNAMA

LAMPIRAN 10
SINAR HARIAN (SENTRAL): MUKA SURAT 18
TARIKH: 26 SEPTEMBER 2018 (RABU)

Straw plastik bawa mudarat

**Larangan guna
penyedut minuman
plastik wajar**

NUR FARHANA ABDUL MANAN


SHAH ALAM

Berdosa jika penggunaan penyedut minuman plastik boleh menyebabkan kemudaratan alam sekitar.

Pengerusi Pertubuhan Alam Sekitar Sejahtera (Grass) Malaysia, M Yusaimi Md Yusof berkata, larangan penggunaan penyedut minuman tersebut adalah atas sebab masalah.

Katanya, atas sebab kerosakan yang boleh terjadi dengan penggunaan penyedut minuman atau plastik, larangan dibuat ke atas semua orang sama ada Islam atau tidak.

"Tidaklah jatuh berdosa seandainya penyedut minuman hanya dipegang dan digunakan sehingga



Penggunaan penyedut minuman plastik boleh memudaratkan alam sekitar.

lah penggunaannya itu merosakkan atau memudaratkan alam (haiwan, tumbuhan, elemen bumi dan manusia itu sendiri).

"Melihat kepada situasi masa kini dengan fakta dan kesannya, penggunaannya dan pem-

buangannya merata-rata sudah tentu boleh jatuh berdosa," katanya dalam satu kenyataan kepada Sinar Harian.

M Yusaimi berkata, Grass sudi membantu kementerian dan agensi berkaitan yang berminat meng-

jurkan program kesedaran dan pendidikan dalam isu melibatkan alam sekitar.

Beliau sebelum itu mengucapkan tahniah kepada Kementerian Wilayah atas cadangan mengharamkan penggunaan penyedut minuman plastik di semua kedai dan restoran makanan di Kuala Lumpur.

Katanya, larangan bermula Januari depan tetapi tindakan penguatkuasaan dimulakan pada 2020.

"Tempoh masa yang ada beri ruang kepada kementerian dan pelbagai pihak untuk didik serta beri kefahaman selain kempen kesedaran berkenaan bahaya penggunaan penyedut minuman serta plastik.

"Antara cadangan boleh dibuat ialah adakan hari tanpa penyedut minuman seperti hari tanpa plastik yang telah dibuat sebelum ini," katanya.

Tambahnya, plastik yang dig-



M YUSAIMI

unakan sekali sahaja seperti penyedut minuman diperbuat daripada plastik jenis 5 atau polypropylene yang tidak boleh dikitar semula.

Kebanyakan produk plastik hanya akan terurai dalam tempoh 200 tahun.

"Tanpa kita sedar, produk plastik ini datangkan banyak kerosakan bukan hanya kepada alam sekitar dan haiwan bahkan kepada manusia.

"Proses perosotan plastik akan melepaskan bahan kimia berbahaya kepada alam dan hidupan. Meskipun melalui proses penguraian, namun proses tersebut tidak mengurai plastik sepenuhnya tetapi hanya mengubah plastik menjadi mikroplastik.

"Bahan kimia dan mikroplastik ini yang cemarkan tanah, laut dan udara yang disedut manusia malah masuk ke dalam makanan manusia seperti ikan," katanya.

LAMPIRAN 11
THE SUN (NEWS WITHOUT BORDERS): MUKA SURAT 4
TARIKH: 26 SEPTEMBER 2018 (RABU)

TVET programmes must **match** industry needs

> Institute needs to engage stakeholders on type of training for its students: Nurul Izzah

BY **RAJVINDER SINGH**
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Students must not simply be trained at vocational level for the sake of providing them with a skill but there must be a match-up of skills and industry needs, said Technical and Vocational Education and Training (TVET) Empowerment Committee chairman Nurul Izzah Anwar (pix).

She said the TVET programme

must meet the needs of the industry, therefore all stakeholders, training institutions and government agencies must consult the private sector on their needs.

"We need to know the demands and requirements of the private sector and tailor our programmes to meet those needs."

She said 82% of over 50,000 TVET students were from low-income families and dependent on TVET, but they must be trained in

the proper skills to ensure they can earn a good salary.

On the release of Skills Development Fund Corporation loans to needy students, she said: "We cannot afford any more delays to the disbursement of loans as the fate of tens of thousands of students are dependent on the release of the loans to various institutions nationwide."

